

21/01/2002

Oui tumpu tingkatkan kemudahan asas

KANGAR, Ahad - Meningkatkan kemudahan infrastruktur kawasan Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan adalah tumpuan utama wakil rakyat barunya, Oui Ah Lan.

Beliau berkata penduduk Indera Kayangan masih memerlukan pembangunan berterusan walaupun sebahagian besar kawasannya bandar Kangar.

Katanya, dakwaan pembangkang bahawa kawasan berkenaan tidak memerlukan perhatian dari segi kemudahan asas kerana terletak dalam bandar adalah tidak benar.

"Kawasan bandar yang perlu diberi perhatian kerana ia adalah ibu negeri Perlis," katanya ketika ditemui pada majlis empat ahli Umno yang menunaikan nazar berikutan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan, hari ini.

Oui berkata beliau gembira dengan sokongan pengundi terhadap BN yang sekali gus menggambarkan tohmahan pembangkang bahawa kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim tidak lagi popular adalah meleset.

Oui menewaskan calon Parti Keadilan Nasional, Khoo Yang Chong, dengan majoriti 2,592 - meningkat 618 undi berbanding Pilihan Raya Umum 1999.

Beliau berkata pengundi membuat pilihan bijak dengan memilih BN pada pilihan raya kecil semalam berdasarkan rekod cemerlang parti itu.

"Rakyat mahukan kestabilan, perpaduan dan pembangunan berterusan di bawah pentadbiran Menteri Besar dan Perdana Menteri," katanya.

Beliau juga menafikan tuduhan pembangkang kononnya wakil rakyat dari parti komponen BN tidak berupaya menegur kerajaan kerana khuatir dikenakan tindakan.

"Saya masih boleh menyampaikan suara rakyat dalam Dewan Undangan Negeri. Pengundi percaya saya boleh melakukannya dan mereka memilih saya semalam," katanya.

(END)